

02 DEC 2001

Walter-Malaysia

PENULIS BELGIUM HASILKAN BUKU BAGI MEMPERKENAL M'SIA

Oleh: Shukran Saharuddin

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Penulis Belgium Francois Walter telah menghasilkan sebuah buku yang mempromosikan mengenai tempat-tepat tarikan pelancong di Malaysia sejak melawat Pulau Pinang buat kali pertama 20 tahun lalu.

"Saya mendapati bahawa usaha bagi memperkenalkan Malaysia di negara saya belum cukup. Malaysia nampaknya belum begitu dikenali di Belgium dan negara lain di Eropah.

"Jadi, saya mula mengusahakan projek ini...ini bukan untuk kepentingan kewangan atau keuntungan tetapi untuk kepuasan sendiri," kata Walter ketika ditemui Bernama.

Walter, 56, berkata beliau menghormati cara rakyat Malaysia menyesuaikan diri dengan kehidupan moden tanpa mengeneipkan nilai-nilai dan norma tradisi.

Walter, yang fasih bertutur Bahasa Melayu berkata beliau sedang mencari penerbit di Malaysia untuk menjual bukunya setebal 265 muka yang mengandungi 240 gambar mengenai Malaysia, penduduk dan budaya majmuknya.

Gambar-gambar itu dipilih daripada 12,000 slide yang diambil oleh seorang ralkannya yang juga wartawan foto Yvan Deewerdt sejak lima tahun lalu.

Buku itu, bertajuk "Malaysia" mengandungi tiga bak mengenai Kuala Lumpur dan persekitarannya, Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Walter berkata beliau membelanjakan RM400,000 untuk menerbitkan buku itu dan bercadang untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa perancis, Jerman, Sepanyol, Itali, Rusia dan Belanda.

"Saya akan melantik beberapa orang penterjemah untuk melakukan kerja itu," kata Walter, seorang pengusaha bank di Fortis Bank selama 32 tahun.

Kira-kira 1,000 naskhah telahpun dijual di Belgium dan telah membawa kira-kira 100 naskhah ke Malaysia.

Walter berkata beliau sedang berunding dengan Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menjual bukunya dan memasarkan buku itu dalam penerbangan. Buku itu berharga RM200 senaskhah.

"Saya juga berhasrat untuk menghasilkan beberapa buku mengenai Langkawi dan juga negara-negara di utara Semenanjung. Buku kedua saya nanti akan mencakupi seluruh Malaysia," kata beliau.

Pada 8 Nov, Walter berpeluang menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 15 minit di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Beliau berkata Dr Mahathir menunjukkan minat yang mendalam mengenai buku itu dan bercadang untuk memberi beberapa naskhah buku itu kepada pemimpin asing apabila mereka menemuinya atau apabila beliau menemui mereka di seberang laut.

-- BERNAMA

SHS AZZ TS FAZ